

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH / HARI : 04 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)



ANTARA peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Sempena Ulang Tahun Bandaraya Shah Alam Ke-16 di Taman Tasik Shah Alam.

**Shah Alam:** Lebih 300 kaki pancing menyertai pertandingan memancing sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-16 Shah Alam dinaik taraf sebagai bandar raya pada 29 Oktober lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad berkata, pertandingan memancing dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Selangor itu terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Individu dan Keluarga.

"Kategori individu dimenangi Anuar Md Jali dengan tangkapan ikan patin seberat 8.9 kilogram, sekali gus membolehkan dia memenangi hadiah wang tunai RM5,000.

"Tempat kedua dimenangi Ramli Amat dengan tangkapan ikan patin 6.9 kilogram. Dia memenangi wang

tunai RM3,000 manakala pemenang tempat ketiga adalah Mohd Shaufiq Mohd Noor dengan tangkapan ikan toman seberat 6.7 kilogram dan membawa pulang wang tunai RM1,000," katanya.

Bagi Kategori Keluarga, tempat pertama dimenangi Mohd Affan Aris yang berjaya menangkap ikan patin seberat 7.1 kilogram, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.

Penyampaian hadiah dilakukan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Zaidy Abdul Talib.

Hadir sama, Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.